



PETIKAN AKHBAR

Impak harga minyak telah diambil kira dalam unjuran defisit – Tengku Zafrul

PETIKAN AKHBAR | 21 APRIL 2020



KUALA LUMPUR, 21 April – Kementerian Kewangan telah mengambil kira impak penurunan harga minyak dalam pengiraan unjuran defisit belanjawan melebihi 4.0 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun ini.

Dalam kenyataan hari ini, Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata ini mencerminkan anggaran defisit sepanjang tahun yang berdasarkan kepada jangkaan harga minyak tertentu.

“Jika harga minyak merosot hingga ke paras lebih rendah daripada anggaran purata tahunan, kerajaan akan menyusun semula keutamaan perbelanjaan untuk mengimbangi penyusutan pendapatan.

“Kerajaan juga akan terus memantau dengan rapat perkembangan harga minyak,” katanya.

Pada awal bulan ini, beliau berkata defisit belanjawan akan meningkat kepada 4.7 peratus daripada KDNK berikutan tambahan RM10 bilion dalam pakej rangsangan ekonomi untuk perusahaan kecil dan sederhana.

Selain itu, Tengku Zafrul berkata perhatian umum terhadap harga minyak itu adalah difahami memandangkan ianya dipengaruhi faktor-faktor geopolitik global.

Namun, tegas beliau, adalah penting untuk turut memahami bagaimana Malaysia juga mempunyai asas-asas ekonomi yang pelbagai.

"Memandang ke hadapan, Kementerian Kewangan akan meneliti langkah-langkah untuk menyusun semula struktur ekonomi bagi meningkatkan kepelbagaian ekonomi selain melaksanakan dasar fiskal dan kewangan yang lebih baik untuk membangunkan daya tahan ekonomi negara," jelas beliau.

[Bernama](#)

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

POPULAR TAGS

- [BERNAMA](#)
- [HARGA MINYAK](#)
- [PRICE OF PETROLEUM](#)
- [TENGKU ZAFRUL](#)
- [BANTUAN PRIHATIN NASIONAL](#)
- [KWSP](#)
- [I-SINAR](#)
- [SINAR HARIAN](#)
- [JELAJAH BELANJAWAN 2021](#)
- [PRIHATIN MOF](#)
- [PERMAI](#)
- [BERITA HARIAN](#)